

# Keahlian

Keahlian di dalam Waqaf An-Nur adalah terdiri daripada Ahli Biasa, Ahli Korporat dan Ahli Kehormat sebagaimana berikut:

## 1 Ahli Biasa

Terdiri daripada Ahli Biasa (Individu) dan Ahli Biasa (Korporat).

### i) Ahli Biasa (Individu)

Individu Muslim yang berumur tidak kurang 18 tahun yang memohon dan diterima oleh Lembaga Pengarah untuk menjadi Ahli Biasa.

Bayaran minimum Yuran Pendaftaran dan Yuran Tahunan Individu kepada Waqaf An-Nur yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:

Yuran pendaftaran – RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) semasa pendaftaran;

Yuran tahunan – RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja).

### ii) Ahli Biasa (Korporat)

Syarikat-syarikat atau Badan-badan Perniagaan berasaskan syariat Islam yang dimiliki oleh orang Islam yang tergolong dalam kategori berikut:

- a) Perniagaan sebagai tuan punya tunggal, atau tuan punya bersama yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau Akta Perkongsian 1976 di Malaysia;
- b) Perniagaan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 di Malaysia;
- c) Perniagaan yang dilesenkan oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri atau Tempatan di Malaysia atau mana-mana pihak yang berkuasa di Malaysia dengan syarat bahawa Waqaf An-Nur diberikuasa menentukan dari masa ke semasa status syarikat yang memohon dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk menjadi Ahli; atau
- d) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Koperasi 1948 dan pertubuhan, persatuan dan lain-lain pertubuhan bukan kerajaan (“NGO”) yang ditubuhkan di bawah Akta Persatuan 1966 (dengan Pindaan).

Bayaran minimum Yuran Pendaftaran dan Yuran Tahunan Ahli Biasa Korporat kepada Waqaf An-Nur yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:

Yuran pendaftaran – RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) semasa pendaftaran;

Yuran tahunan – RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja).

## 2 Ahli Korporat

Terdiri daripada Ahli Korporat “Fiddhah” dan Ahli Korporat “Zahab”.

### i) Ahli Korporat “Fiddhah”

Yuran pendaftaran – RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) semasa pendaftaran;

Yuran tahunan – RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) dan dibayar sekali sahaja pada tahun pertama keahlian secara sekaligus;

Ahli Biasa Korporat, yang telah membayar Yuran Tahunan secara tunai bernilai RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) secara kumulatif boleh dari semasa ke semasa ditentukan untuk dijemput menjadi Ahli Korporat “ Fiddhah”.

**ii) Ahli Korporat “Zahab”**

Yuran pendaftaran – RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) semasa pendaftaran;

Yuran tahunan – RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu Sahaja) dan dibayar sekali sahaja pada tahun pertama keahlian secara sekaligus.

### **3 Ahli Kehormat**

Terdiri daripada Ahli Kehormat (Atas Jawatan) dan Ahli Kehormat (Individu).

**i) Ahli Kehormat (Atas Jawatan)**

Dilantik menerusi jawatan yang disandang di peringkat awam, swasta atau mana-mana institusi-institusi kebajikan atau mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (“NGO”) yang boleh dari semasa ke semasa ditentukan untuk dijemput oleh Lembaga Pengarah dan juga Individu-Individu yang memegang jawatan-jawatan yang tersenarai antara (i) hingga (x) di bawah adalah dengan ini dilantik selaku Ahli-Ahli Kehormat (Atas Jawatan), sekaligus juga dilantik selaku selama mana mereka memegang jawatan-jawatan yang dinyatakan:

- i) Ketua Eksekutif  
Johor Coporation;
- ii) Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor;
- iii) Mufti Negeri Johor;
- iv) Ketua Pegawai Operasi  
Johor Corporation;
- v) Timbalan Mufti Negeri Johor;
- vi) Pengarah Urusan Syarikat  
Kulim (M) Berhad;
- vii) Pengarah Urusan Syarikat  
KPJ Healthcare Berhad;
- viii) Pengarah Urusan Syarikat  
Johor Land Berhad;
- ix) Pengarah Urusan Syarikat  
Sindora Berhad; serta
- x) Pegawai Waqaf  
Negeri Johor.

**ii) Ahli Kehormat (Individu)**

Individu yang telah menjelaskan bayaran yuran berjumlah RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) secara tunai sekaligus atau Ahli Biasa Individu yang telah menjelaskan yuran tahunan secara kumulatif dan dengan kelulusan Lembaga Pengarah Waqaf An-Nur boleh bertukar keahliannya dari Ahli Biasa individu kepada Ahli Kehormat (Individu).